

Tun Mahathir akui peranan penting DAP

UM - 8/1/2019 m/s: 3

KUALA TERENGGANU 7 Jan. - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengakui DAP memainkan peranan penting dalam menentukan segala perkara dalam pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH) termasuk berkaitan kedudukannya sebagai Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, memang pada awalnya dalam politik, DAP adalah sebuah parti seteru, namun keadaan telah berubah menjadikan parti tersebut sebagai rakan sekutu kepada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) di bawah pakatan PH.

“Saya tahu ada pendapat mengatakan DAP parti musuh, tapi saya nak bagi tahu bahawa yang tentukan saya akan jadi pengerusi PH dan bakal PM (Perdana Menteri) jika menang

dalam PRU (pilihan raya umum) lalu adalah DAP.

“Mereka (DAP) tentukan siapa pemimpin dan siapa akan pegang jawatan selepas berjaya ambil alih kerajaan, semuanya ini datang dari DAP. Jadi, kalau orang kata (DAP) musuh, kenapa pilih saya.

“Mereka juga sedar, kerosakan yang dilakukan pemimpin kerajaan terdahulu perlu disingkirkan dan sebab itulah kita menang dalam PRU-14,” katanya.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi PH merangkap Pengerusi Bersatu menyatakan perkara itu ketika berucap merasmikan Pejabat Bersatu Terengganu di Ladang Tok Pelam di sini hari ini.

Yang turut hadir, isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd.

Ali; Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Pengerusi PH Terengganu, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad dan Pengerusi Bersatu Negeri Terengganu, Senator Datuk Razali Idris.

Perdana Menteri seterusnya berkata, Bersatu yang ditunjangi orang Melayu kini membuka pintu kepada orang Melayu terutama daripada UMNO agar Bersatu terus padu dan teguh dengan penambahan jumlah keahlian lebih ramai pada masa akan datang.

“Kita juga parti Melayu dan kita harap dapat sokongan orang Melayu agar parti kita kuat. Kita tak boleh singkirkan mereka, kita kena terima mereka tapi dengan bersyarat dan bukannya terima budaya mereka,” ujarnya.